

Ratu

Fahami
kanak-kanak
autistik

Bantu tingka
mutu
kehidupan
si kecil

12/13

Seikhlas kasih bapa

SEJAK kebelakangan ini fungsi bapa seolah-olah tidak lagi memberi impak kepada pembangunan sahsiah keluarga, lebih-lebih lagi dengan pelbagai cerita menakutkan yang dilaporkan di akhbar. Antaranya, bapa haruan, bapa yang merosakkan masa depan anak mereka dengan mengajar si kecil melakukan jenayah, malah ada bapa yang tidak mengendahkan anak apabila berfaku perceraian.

Begitu pun, masih ada bapa yang ikhlas menjalankan tanggungjawab mereka bagi memastikan keluarga yang dipimpin dilindungi sewajarnya bersesuaian dengan amanah Tuhan. Ikuti beberapa kisah wanita yang bercerita mengenai kasih sayang bapa membesarakan mereka sehingga menjadi insan berguna.

Cerita di muka 8



NURULHIDAYAH di samping bapanya, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi dan menganggap setiap hari adalah Hari Bapa.



Setiap

Hulur berkeping kad tanda
ingatan, kasih sayang



Oleh Shaida Shafie
shasha@bharian.com.my

JIIKA Mei dianggap hari istimewa untuk ibu, Jun pula meraka jasa bapa yang banyak berkorban bagi memastikan keluarga khususnya anak-anak dapat menikmati kehidupan terbaik dan selesa.

Bagi Nurulhidayah Ahmad Zahid, kehadiran bapa di sisi amat memberi makna setiap hari dalam kehidupannya seperti ibu yang sentiasa diperlukan pada setiap ketika, justeru, beliau tidak pernah menunggu Hari Bapa untuk menunjukkan kasih sayang atau penghargaan kepada bapanya yang mesra disapa dengan panggilan abah.

"Saya menganggap setiap hari adalah Hari Bapa. Saya tidak menunggu Jun setiap tahun untuk mengucap atau menzahirkan penghargaan saya kepada abah kerana setiap detik kami melaluiinya bersama bermula di meja makan."

"Bagaimanapun, tidak dinafikan tarikh 21 Jun itu menyebabkan saya teruja untuk memberikan abah kad. Bukan seképing kad, tetapi banyak kad kerana ada banyak perkataan yang hendak ditulis," katanya ketika ditemui di ibu kota, baru-baru ini.

Nurulhidayah juga lazim menyambut Hari Bapa dengan membuat pakatan bersama empat lagi adik-beradik, Nurul Izwani, Ahmad Khairul Hafiez, Ahmad Shafeeq Hafiez dan Ahmad Asyraf Arieffe. Masing-masing akan memberikan lebih daripada satu kad kepada bapa mereka kerana ingin menyatakan betapa mereka begitu menghormati dan menghargai bapa.

"Melalui kad, pelbagai ucapan yang ditulis seperti mendoakan abah dikurniakan kesihatan yang baik, sentiasa berada dalam peliharaan Allah dan beroleh kemudahan dalam menjalankan tugas harian. Sebab itulah saya dan adik beradik gemar memberi banyak kad kepada abah."

"Lazimnya begitulah cara saya menyampaikan rasa kasih sayang kepada abah. Mungkin agak janggal melihat anak perempuan yang sudah dewasa mencium bapa mereka, tetapi dalam keluarga saya, perkara berkenaan adalah biasa antara saya dan abah. Begitu juga adik-beradik lain," katanya.



PABILA ada waktu luang, Nurulhidayah (kiri) sering meluangkan masa bersama ibu, Datin Seri Hamidah Khamis dan Ahmad Zahid yang mendukung Arjuna Iskandar.



Iaidah Shafie
sharian.com.my

Mei dianggap hari newa untuk ibu, Jun 3 meraikan jasa bapa nyak berkorban bagi ikian keluarga khususnya ak dapat menikmati an terbaik dan selesa. Jurulhidayah Ahmad zhadiran i...pa di sisi emberi makna setiap m kehidupannya seperti sentiasa diperlukan iap ketika, justeru, tak pernah menunggu a untuk menunjukkan rang atau penghargaan sapanya yang mesra engan panggilan abah. menganggap setiap ah Hari Bapa. Saya nunggu Jun setiap ituk mengucap atau rkan penghargaan ada abah kerana setiap ni melaluinya bersama di meja makan. manapun, tidak tarikh 21 Jun itu ibkan saya teruja untuk kan abah kad. Bukan kad, tetapi banyak kad la banyak perkataan dak ditulis," katanya emui di ibu kota, ini. idayah juga lazim ut Hari Bapa dengan t pakan bersama ji adik-beradik, Nurul imad Khairul Hafiez, tafiq Hazieq dan syhraf Arieffe. Masing-an memberikan ada satu kad kepada ka kerana ingin an betapa mereka ng hormati dan jai bapa. . i kad, pelbaqai ucapan

hari hargai bapa

Nurulhidayah mengimbas zaman kecil ketika pertama kali mengenal erti meraikan Hari Bapa, beliau dibantu guru tadika menyiapkan kad ucapan untuk bapanya. Apabila berada di alam remaja dan sudah memahami erti Hari Bapa, beliau menghadiahkan sesuatu kepada bapanya.

"Ketika itu, saya berada di sekolah menengah. Saya mengunjungi Pasar Seni untuk membeli hadiah kole besar bertulis Selamat Hari Bapa untuk abah. Itulah hadiah pertama yang saya beli untuk abah ketika meraikan hari istimewa untuk insan bergelar bapa.

"Tetapi kini abah ada tanggungjawab besar menyebabkan masa agak terhad untuk kami keluar meraikan Hari Bapa. Apa yang kerap saya lakukan ialah makan bersama abah dan keluarga di rumah sama ada sarapan pagi atau makan malam," katanya

Mungkin ada yang menganggap makan bersama di meja makan di rumah adalah perkara biasa, tetapi bagi Nurulhidayah, saat berkenaan adalah sesuatu yang amat dihargai dalam kehidupan beliau dan adik-beradik yang lain.

Kini beliau turut mengajar

anak sulungnya, Arjuna Iskandar, 6, meraikan Hari Bapa, Hari Ibu atau apa saja hari yang wajar diraikan dan tidak bercanggah dengan ajaran agama. Lebih menyerokkan, beliau turut meraikan Hari Bapa untuk suaminya, Syed Alman Zain, sebagai bapa kepada cahaya mata mereka.

"Saya memang tidak akan lupa mengucapkan Hari Bapa kepada insan bergelar bapa. Bapa saudara juga adalah individu yang akan saya ucapkan Hari Bapa kerana bagi saya, tidak semestinya kita mengucapkan kepada bapa

sendiri saja, insan lain yang bergelar bapa juga berhak menerima ingatan ini daripada kita.

"Walaupun saya hanya menghantar mesej pesanan ringkas kepada mereka, saya yakin mereka gembira menerima ucapan berkenaan. Saya mahu mereka tahu saya mengingati mereka dengan cara yang istimewa. Abah terutama, walaupun kini saya tidak berpeluang meraikan Hari Bapa dengan beliau dan keluarga di luar, saya yakin dia menghargai apa yang saya lakukan," katanya.

INFO

Nurulhidayah Ahmad Zahid

Umur: 31 tahun

Kerjaya: Perancang

Perkahwinan

Karyabonda

Suami: Syed

Alman Zain

Anak: Arjuna

Iskandar, Zaheed Alwi,

Khadeeja Sofea.



Nurulhidayah
Anak

"Saya tidak menunggu Jun setiap tahun untuk mengucap atau menzahirkan penghargaan saya kepada abah kerana setiap detik kami melaluinya bersama bermula di meja makan"



SEMUA bapa berhak menerima penghargaan pada Hari Bapa.